



EDISI 12 / 2021

e-BULETIN

HASIL

LAPOR
& BAYAR

KATAKAN YA KEPADA SIFAR
TUNGGAKAN
TAHUN 2022

#2022SIFARTUNGGAKANCUKAI



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000



1. PERKHIDMATAN TERBAIK UNTUK ANDA

LHDNM merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan yang sentiasa komited memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, terutamanya pembayar cukai bagi memastikan mereka dapat melaksanakan tanggungjawab percukaian mereka dengan lengkap dan teratur mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

LHDNM juga sentiasa mengalu-alukan sebarang maklum balas dan cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kami. Sebarang maklum balas, cadangan dan aduan boleh disalurkan melalui Borang Maklum Balas Pelanggan melalui pautan <https://maklumbalas.pelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

Terima kasih atas komitmen dan kerjasama anda dalam bersama-sama membangunkan negara.

2. PELEPASAN CUKAI TAMBAHAN BAHARU TAHUN 2021

Sebagai persediaan pelaporan cukai Tahun Taksiran 2021, sila pastikan anda turut menyimpan resit bagi perbelanjaan berikut sekiranya berkenaan :

- i) Yuran Pendidikan : diperluas secara bersyarat kepada mereka yang menghadiri kursus *up-skilling* atau *self-enhancement* bagi tujuan meningkatkan kemahiran.
- ii) Perbelanjaan perubatan bagi individu pemastautin, pasangan atau anak : termasuk tuntutan perbelanjaan bagi suntikan vaksin tertentu berjumlah RM1,000.
- iii) Gaya hidup : diperluas skop meliputi langganan surat khabar secara elektronik ; dan / atau
- iv) Gaya hidup berkaitan dengan aktiviti sukan secara bersyarat.

Anda digalakkan untuk menyemak senarai pelepasan yang berkaitan di Portal Rasmi LHDNM melalui pautan www.hasil.gov.my > Individu > Pelepasan Individu.



3. SENARAI SEMAK DOKUMEN TT 2021

Sebelum 2021 berakhir, PASTIKAN dokumen berkaitan dengan pelepasan yang boleh dituntut dalam borang cukai anda telah disimpan dengan rapi, antaranya :

- i) Penyata pendapatan atau penggajian : Borang EC/EA, CP58 (Penyata Bayaran Insentif Berbentuk Wang Tunai Dan Bukan Wang Tunai Kepada Ejen, Pengekar Atau Pengagih Tertakluk Kepada Seksyen 83A Akta Cukai Pendapatan 1967), penyata bank (bagi yang bekerja sendiri), penyata pendapatan daripada syarikat pengiklanan dalam talian, penyata pendapatan daripada penyedia perkhidmatan ekonomi gig.
- ii) Penyata/resit daripada penyedia perkhidmatan : hospital, pusat pengajian/pendidikan, insurans.
- iii) Penyata/resit asal pembelian yang dibenarkan sebagai pelepasan ; dan / atau
- iv) Penyata/resit daripada gerbang pembayaran digital : Paypal, FPX, ipay88, MOL, dll.

Bagi memastikan dokumen dan penyata ini disimpan dengan rapi selama tujuh (7) tahun, berikut adalah cadangan penyimpanan rekod :

- i) Setiap penyata dibuat salinan secara fizikal dan digital; dan
- ii) Kategorikan dokumen mengikut jenis pelepasan dan tahun taksiran

Maklumat lanjut berhubung percukaian boleh didapati daripada Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my.

4. PROGRAM KHAS PEREMITAN PENDAPATAN

Selaras dengan pembatalan pengecualian cukai ke atas pendapatan daripada punca luar negara sepertimana yang diumumkan oleh Menteri Kewangan melalui Bajet 2022, LHDNM menawarkan Program Khas Peremitan Pendapatan (PKPP) kepada pemastautin di Malaysia yang mempunyai pendapatan yang disimpan di luar negara.

Program ini akan dilaksanakan berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan, antaranya :

- i) Tempoh pelaksanaan PKPP adalah mulai 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022 (tempoh PKPP);
- ii) Kadar cukai 3% (kasar) ke atas pendapatan yang dibawa masuk dalam tempoh tersebut sepertimana yang dicadangkan di bawah Rang Undang-Undang Kewangan 2021;
- iii) Tiada semakan audit, siasatan atau penalti terhadap pendapatan yang dibawa masuk dalam tempoh PKPP, semua pendapatan yang dibawa masuk akan diterima secara suci hati oleh pihak LHDNM; dan
- iv) Pendapatan hendaklah dibawa masuk / diremit dalam tempoh PKPP.

LHDNM akan mengeluarkan soalan lazim serta garis panduan berkaitan PKPP ini kepada umum yang boleh didapati dari Portal Rasmi LHDNM bermula Januari 2022.